

PM: Tingkat tahap keilmuan universiti

UM 14 AUG 2002

KUALA LUMPUR 13 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu semua universiti di negara ini berusaha mencapai tahap keilmuan dan kaji selidik yang tinggi setaraf dengan universiti terulung dunia seperti Cambridge dan Harvard.

Tegas Perdana Menteri, beliau menarik perhatian terhadap keperluan penyelidikan kerana tidak ingin melihat universiti tempatan menjadi “kilang pengeluaran sijil” semata-mata.

Menurut beliau, masanya sudah tiba bagi ilmu universiti memikirkan sendiri mengenai penguasaan dan ideologi yang sesuai untuk negara.

“Piawaian atau standard adalah perkara terpenting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi. Kita mempunyai Lembaga Akreditasi Negara yang menentukan universiti di Malaysia mencapai standard yang minimum tetapi kita tidak boleh berpuas hati dengan standard minimum.

“Oleh itu, saya harap universiti di negara ini

berusaha menjadi pusat kecemerlangan terkenal yang akan memberi label yang baik kepada lepasan dan kakitangannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Setapak hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Presiden MCA yang juga Pengerusi Majlis UTAR, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Menurut Dr. Mahathir, sebenarnya tiada bangsa di dunia yang mempunyai monopoli pemikiran.

Katanya, rakyat Malaysia juga mampu memikirkan cara-cara mengurus dan membangun negara bukan sahaja untuk negara ini malahan bagi manusia lain.

Dalam hubungan ini, tegasnya, masa sudah tiba untuk ahli akademik negara ini menyoal pemikiran Barat yang sekarang begitu menguasai dunia sehingga sesiapa yang menyoalnya akan dianggap sebagai *heretic*, iaitu orang yang sudah terkeluar dari aliran.

“Jika kita kaji, arus pemikiran dan ideologi politik Barat, kita akan dapati mereka berkali-kali mencipta dan mengamal ideologi yang mereka sendiri akhirnya mengakui adalah salah dan mereka menggugurkan-nya.

“Kita tidak harus mengikuti mereka, mempercayai dan mengamal sistem mereka dan apabila mereka gugurkan sistem ini, maka barulah kita berani menggugurkan-nya,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, Barat telah mencipta sistem feodal yang begitu otokratik dan menjadi amat zalim sehingga mereka terpaksa menggugurkannya dan menggantikan dengan sistem republik, secara literal bermakna kembali kepada kuasa ramai.

Kata beliau, dalam usaha menegakkan “kebebasan, persamaan dan persaudaraan”, mereka membunuh berjuta-juta daripada rakyat mereka.

Jelasnya, bagi sebilangan yang tidak kecil daripada bangsa-bangsa Ba-

rat ini, “kebebasan, persamaan dan persaudaraan” tidak bermakna.

Seterusnya Dr. Mahathir berkata, setelah hampir 100 tahun kezaliman berlaku dan ratusan juta menjadi mangsa, Barat menggugurkan pula ideologi Komunis dan Sosialis.

Tegasnya: “Hari ini, mereka perkuatkan sistem kapitalis tanpa had, segala-galanya termasuk

“kebebasan, persamaan dan persaudaraan” dikorbankan supaya ketamakan kapitalis dapat menguasai dunia.

“Yang jelas ialah ideologi dan sistem Barat bukan tidak cacat.

“Justeru, kita perlu soal slogan seperti “demokrasi liberal, globalisasi dan pasaran bebas” supaya kita dapat tentukan apakah idea-idea ini tidak akan didapati tidak baik oleh

Barat satu hari dan mereka juga akan menggugurkan idea-idea ini untuk digantikan dengan idea baru.”

Dalam hubungan ini, tegas Perdana Menteri, ketika ini kerajaan melonggarkan lagi kawalan dalam bidang pelajaran tinggi dan membenarkan swasta mendirikan universiti.

Katanya, kelonggaran ini bagaimanapun membawa banyak masalah.

Tegasnya, di banyak negara terdapat ratusan universiti tetapi kebanyakannya adalah “kilang pengeluaran sijil” sahaja.

“Bukan sahaja ramai akan tertipu tetapi “kilang pengeluaran sijil” ini akan memburukkan nama negara sahaja.

“Oleh kerana ini, kerajaan akan terus mengawal rapi institusi pelajaran tinggi dalam negara kita,” tegas beliau.